

# Majalah asing cemar nama Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa majalah asing telah mencemar namanya dengan menyindir bahawa beliau hanya membantu beberapa rakananya untuk 'membuat wang'.

Perdana Menteri berkata kesan daripada laporan tidak berasas itu menyebabkan beliau sendiri disindir membuat wang untuk diri sendiri.

"Saya tidak berdaya mempertahankan diri saya terhadap sindiran itu. Jika mereka datang ke sini dan membuat kenyataan secara terbuka, saya akan membawanya ke mahkamah," katanya sambil mensifatkan dirinya sebagai tertekan dengan keadaan seperti itu.

Adalah difahamkan, perkara itu mula dihebohkan oleh majalah asing berikutan perletakan jawatan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Aziz Taha, baru-baru ini.

Laporan itu mendakwa bahawa Per-

dana Menteri mempunyai kepentingan dan hanya memberi peluang kepada segolongan rakananya untuk membuat wang.

Berita yang disebarkan di seluruh dunia itu menyindir bahawa Datuk Seri Dr Mahathir dan beberapa rakan yang disukainya sahaja diberi keistimewaan.

"Tunjukkan buktinya. Apa yang telah saya lakukan?" soal beliau.

Beliau berkata sebagai seorang Perdana Menteri sudah tentu beliau mempunyai ramai kawan.

Beliau menjelaskan jika seseorang melakukan kesalahan, adalah menjadi tugasnya untuk membetulkannya. Tapi, ini tidak bermakna beliau juga membuat wang.

"Saya tidak membuat wang. Saya hanya bertugas sebagai Perdana Menteri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah tidak menyeronokkan jika didakwa sebagai Perdana Menteri rasuah...negara yang rasuah, sedangkan tidak ada bukti mengenainya. Seolah-olah negara ini adalah lebih rasuah daripada negara lain.

"Di dunia nama saya dicemarkan. Nama negara juga tercemar," tambahnya.

Perdana Menteri juga berkata sebuah majalah Islam juga menyatakan bahawa kerajaan telah mengharamkan sebuah parti yang didakwa sebagai parti Islam.

## Tertekan

"Saya berpendapat majalah ini dipengaruhi oleh Zionis," ujarnya.

Menurutnya, pada mereka, usaha penerapan nilai-nilai Islam di Malaysia bermakna mengharamkan parti Islam.

"Ini tidak berlaku. Tetapi, majalah yang disebarkan di seluruh dunia itu tidak mahu menyatakan apa yang sebenarnya. Negara ini ditekan oleh orang seperti ini. Saya rasa tertekan oleh akhbar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir membidas segeintir rakyat negara ini yang mendapatkan pertolongan akhbar asing untuk memburuk-burukkan negara ini dengan menyatakan ia tidak demokratik.

"Kita yang mengambil berat mengenai negara ini. Kita tidak peduli dengan pendapat asing mengenai kita. Apa yang penting kepada kita, negara ini stabil dan tidak ada pergaduhan perkawanan sebagaimana pada 1969. Ekonomi negara sentiasa berkembang dan kedudukan politik sentiasa stabil, itulah yang kita mahu," tambahnya.